

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

PLG 552 - Psikologi Pemikiran Dan Penaakulan

Masa : [ 3 jam ]

---

Jawab mana-mana TIGA soalan daripada berikut.

1. Huraikan tentang proses berfikir yang terlibat di dalam pengukuran pemikiran cerdas (IQ). Adakah tahap kecerdasan seseorang kanak-kanak boleh ditingkatkan menerusi pengajaran/latihan? Bincangkan dengan berlandaskan bukti-bukti penyelidikan dalam bidang yang berkenaan.  
[ 100 markah ]
2. Tunjukkan proses berfikir yang berkaitan dengan pemikiran matematikal. Pada pandangan anda apakah proses berfikir yang utama perlu dilatihkan kepada murid-murid untuk mempertingkatkan pencapaian mereka dalam mata pelajaran matematik? Pilih satu daripadanya dan huraikan latihan-latihan yang sesuai untuk memantapkan proses tersebut.  
[ 100 markah ]
3. Sebahagian besar daripada kemunduran dalam pencapaian akademik berlaku kerana kelemahan kanak-kanak dalam memahami bahan-bahan yang dibaca. Bagaimanakah anda hendak mempertingkatkan keupayaan kefahaman pembacaan? Huraikan latihan-latihan yang sesuai untuk mempertingkatkan keupayaan tersebut.  
[ 100 markah ]
4. J. Piaget berpendapat kebolehan berfikir adalah bebas dari kebolehan berbahasa. Bahaskan pendapat ini dengan mengambilkira penyelidikan-penyelidikan yang berkaitan. Apakah pendirian anda tentang hubungan bahasa dengan pemikiran? Beri huraian terperinci tentang perkara ini.  
[ 100 markah ]
5. Huraikan aspek-aspek pemikiran yang menjadi komponen kegiatan berfikir kreatif dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai. Pilih dua daripadanya, dan bagi setiap satunya huraikan satu latihan untuk mempertingkatkan keupayaan melaksanakan aspek pemikiran tersebut.  
[ 100 markah ]

ooo0ooo

